

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**  
**[ STAMPIN ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Sarawak sekarang, adakah ianya adalah salah satu negara dalam pembentukan Persekutuan Malaysia (*The Federation of Malaysia*) ataupun status negeri seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sarawak adalah salah sebuah Negeri di dalam Persekutuan Malaysia. Ini jelas termaktub dalam Fasal (1) dan Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

*"1. (1) Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.*

*(2) Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.*"

Sekian, terima kasih.